

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
MUTTALIB  
[ MARAN ]**

**TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 20**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagi mengimbangi keadaan ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera, Kerajaan sebelum ini mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Perjelaskan secara terperinci apakah kedudukan keseimbangannya ketika ini dan apakah Kerajaan terus berhasrat untuk melaksanakan dasar tersebut.

## **JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang memberi penekanan kepada serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia telah tamat pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, semangat DEB diteruskan di bawah dasar-dasar selepasnya, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Model Ekonomi Baru (MEB) dalam usaha ke arah mencapai matlamat kesaksamaan sosioekonomi dan matlamat perpaduan negara.
2. Kerajaan melihat bahawa pelaksanaan dasar dan semangat DEB masih kekal relevan malahan akan terus diperkasakan melalui dasar-dasar baharu yang lebih strategik bersesuaian dengan keperluan semasa. Sebagai Kerajaan yang peduli rakyat, pengagihan ekonomi mestilah dilakukan secara adil kepada semua rakyat mengikut keperluan masing-masing. Dalam langkah Kerajaan untuk meneliti semula dasar-dasar utama negara, pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan tetap menjadi agenda nasional tanpa meminggirkan kaum-kaum lain di negara ini. Dalam hal ini, tindakan afirmatif akan diteruskan khususnya untuk membangunkan potensi Bumiputera bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi negara dan seterusnya mencapai matlamat pengagihan kekayaan yang lebih saksama.
3. Walau bagaimanapun, pencapaian Bumiputera berbanding bukan Bumiputera masih lagi rendah seperti ditunjukkan oleh indikator sosioekonomi berikut;
  - (i) pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat masih tidak mencapai sasaran 30 peratus pemilikan ekuiti sehingga tahun 2015;
  - (ii) pendapatan purata isi rumah Bumiputera pada tahun 2016 adalah rendah iaitu RM6,267 berbanding bukan Bumiputera sebanyak RM8,213;

- (iii) peratus kategori pekerjaan mahir antara kaum atau inter etnik pada tahun 2017 bagi Bumiputera adalah sebanyak 29.4 peratus berbanding bukan Bumiputera sebanyak 36.3 peratus; dan
  - (iv) peratus transaksi pemilikan kediaman Bumiputera dalam pasaran primer pada tahun 2016 adalah 38.8 peratus (nilai bersamaan RM5.63 bilion) berbanding bukan Bumiputera sebanyak 56.7 peratus (nilai bersamaan RM8.23 bilion) manakala dalam jenis pemilikan komersil, peratus transaksi Bumiputera hanyalah 9.8 peratus (nilai bersamaan RM0.21 bilion) berbanding bukan Bumiputera iaitu 46 peratus (nilai bersamaan RM1.01 bilion).
4. Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan akan memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan melalui amalan prinsip “*shared prosperity*” iaitu berasaskan keperluan, ketelusan, menyokong pertumbuhan dan kemampunan bagi mendukung dasar pembangunan inklusif dan merapatkan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik, wilayah dan kelas pendapatan. Dalam langkah Kerajaan untuk meneliti semula dasar-dasar utama negara, pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan tetap menjadi agenda penting tanpa meminggir kaum-kaum lain di negara ini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

19 Mac 2019